

## **ANALISIS TINJAUAN LITERATUR (LR) TERHADAP KOMPOSISI PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM MENGINTEGRASIKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**

***Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain<sup>1</sup>, Ahmad Marzuki Mohamad<sup>2</sup> &  
Aminudin Hehsan<sup>3</sup>***

*Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Malaysia<sup>1,2</sup>  
Centre of Research for Fiqh Science and Technology (CFIRST), Ibnu Sina Institute for Scientific  
& Industrial Research (ISI-SIR), Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor<sup>3</sup>  
mtalhah.uda@gmail.com<sup>1</sup>, amarzuki@utm.my<sup>2</sup> & ahehsan@utm.my<sup>3</sup>*

### **ABSTRACT**

*The study of the teaching composition of Islamic Education teachers is the focus of discussion in this study. However, strategies in teaching that have elements of Higher Order Thinking skills (HOTs) that involve appreciation in teaching are still given less attention. This is because most scholars argue that the elements of the application of HOTs in teaching are complex and difficult to apply in a limited period of time. However, the teaching strategies should be strengthened so that the implementation of the HOTs elements is successfully arranged in teaching that is by refining through each composition namely introduction, development and closing. This study focuses on literature review related to the teaching of HOTs elements in previous studies and integrates the findings of previous studies to explore proposed new issues to be studied. This qualitative study applies the design of document analysis and literature review (LR) as a platform. This analysis focuses on the background of the study, problems, methodology and findings of previous studies. The results show that previous studies have focused more on the application of HOTs in the beginning and development composition, meaning that the closing composition of the teaching is still less touched. The findings also show that the problems arising from previous studies can be overcome by applying HOTs in the teaching of Islamic Education through teaching composition strategies that have been determined by the elements of HOTs. Therefore, the study of the teaching composition of Islamic Education that focuses on the teaching of HOTs should be highlighted.*

*Keywords: Teaching Composition, Islamic Education Teachers (GPI), Higher Order Thinking skills (HOTs)*

### **ABSTRAK**

Kajian mengenai komposisi pengajaran guru Pendidikan Islam menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini. Namun, strategi dalam pengajaran yang mempunyai elemen Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang melibatkan penghayatan dalam pengajaran masih kurang diberi perhatian. Hal ini kerana kebanyakan sarjana berpendapat bahawa elemen penerapan KBAT dalam pengajaran adalah rumit dan sukar untuk diaplikasikan dalam tempoh masa yang terhad. Walau bagaimanapun, strategi pengajaran perlu dimantapkan agar penerapan elemen KBAT berjaya di budayakan dalam pengajaran iaitu dengan perhalusi melalui setiap komposisi iaitu permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran. Kajian ini memfokuskan kepada tinjauan literatur berkaitan pengajaran elemen KBAT dalam kajian terdahulu dan mengintegrasikan penemuan kajian lepas bagi meneroka cadangan isu baharu untuk dikaji. Kajian kualitatif ini menerapkan reka bentuk analisis dokumen dan berpandukan tinjauan literatur (literature review, LR) sebagai landasan. Analisis ini memfokuskan kepada latar belakang kajian, permasalahan, metodologi dan dapatan kajian terdahulu. Hasil kajian menunjukkan bahawa

kajian-kajian lepas lebih menumpukan fokus penerapan KBAT dalam komposisi permulaan dan perkembangan, bermakna komposisi penutup pengajaran masih kurang disentuh. Dapatan juga menunjukkan bahawa permasalahan yang timbul daripada kajian-kajian lepas dapat diatasi dengan menerapkan KBAT dalam pengajaran Pendidikan Islam melalui strategi komposisi pengajaran yang telah ditentukan elemen-elemen KBAT tersebut. Oleh yang demikian, kajian terhadap komposisi pengajaran Pendidikan Islam yang menumpukan kepada pengajaran yang KBAT wajar diketengahkan.

Kata Kunci: Komposisi Pengajaran, Guru Pendidikan Islam (GPI), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

## **PENGENALAN**

Pelbagai kajian pendidikan Islam dalam komposisi pengajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung telah dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji mengambil rujukan bermula tahun 2010 sebagai salah satu tinjauan literatur yang dipilih sehinggalah pada tahun 2021. Aderi et al, (2014) dan Syaubari (2018) menyatakan bahawa komposisi pengajaran terbahagi kepada tiga bahagian komponen. Pertama permulaan pengajaran dan ianya dikaitkan dengan set induksi. Komposisi pengajaran kedua iaitu perkembangan atau perkembangan pengajaran. Manakala, komposisi pengajaran terakhir adalah penutup pengajaran yang kebiasaannya dikaitkan dengan rumusan.

Komposisi menurut definisi oleh Khairul Bariah (2016) iaitu pecahan yang mempunyai hubungan dan kesan. Syaubari (2018) pula menjelaskan makna komposisi adalah bahagian - bahagian yang terjalin menjadi sesuatu yang lengkap. Manakala, bagi komposisi pengajaran guru bermaksud kesinambungan setiap fasa pelaksanaan penyampaian maklumat daripada guru kepada pelajar dengan cara mengatur dan menyusun bahagian, bermula daripada awal sehingga akhir pengajaran agar menarik dan mudah difahami (Ab. Halim & Zarin 2006; KPM, 2014; Slavin, 2015; Syaubari, 2018; Fakhrul Anwar, 2019). Fasa - fasa komposisi pengajaran GPI ini dibahagikan kepada tiga komponen komposisi iaitu permulaan, perkembangan dan penutup.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu terhadap komposisi pengajaran oleh guru dari kajian lepas berkaitan mata pelajaran pendidikan Islam, menilai secara kritis kepada kajian lepas serta mengeluarkan cadangan isu baru untuk dikaji.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Ketika KBAT diperkenalkan, tujuannya adalah mengesani mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bentuk penghayatan ke atas pelajar. Maka, tenaga pengajar iaitu guru Pendidikan Islam (GPI), memerlukan kejelasan dan kefahaman terlebih dahulu terhadap KBAT. Sebagai contoh, KBAT telah di perkenalkan dalam Pendidikan di Malaysia bermula tahun 2013, namun impak dari keputusan Programme for International Student Assessment (PISA), menunjukkan pengajaran guru di Malaysia masih sederhana (Nabilah Hassan et al., 2020). Namun, jika perhatikan di dalam al-Quran, dorongan mengajak berfikir, berdaya kreatif dan berfikir aras tinggi ianya telah disarankan dalam pengajaran dan perlu kepada memberi kesan terhadap diri. Tokoh sarjana Islam seperti Ibn Khaldun (Talhah Ajmain @ Jima'ain & Marzuki Mohamad, 2020) dan al-Ghazali (Abdullah & Zhaffar, 2018) juga menyebutkan juga kepentingan dan konsep KBAT dalam pengajaran pendidikan secara langsung dan tidak langsung.

Merengung intisari ayat al-Quran, Allah S.W.T. memberikan beberapa perumpamaan dan dikaitkan dengan tafakkur iaitu berfikir. Hal ini kerana orang yang bertafakkur diumpamakan seperti orang yang celik, manakala orang yang tidak bertafakkur diumpamakan seperti orang buta seperti dijelaskan dalam surah al-Ana'am, (6: 50). Bersandarkan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran, sebanyak 750 kali perkataan yang mempunyai kata teras (ilmu) berkaitan dengan akal. Manakala kata dasar akal sendiri disebut di dalam al-Quran sebanyak 49 kali (Mohd Farid, 2013). Hal ini jelas membuktikan bahawa kemahiran berfikir adalah salah satu aspek yang penting di dalam kerangka pendidikan Islam berasaskan intipati yang telah disediakan sumber-sumber muktabar seperti al-Quran dan Hadis (Zainorah, 2015; Syaubari, 2020). Jika perhatikan Pendidikan Sirah pula, riwayat hidup Rasulullah SAW itu sendiri sentiasa digali oleh Ulama' sirah untuk mengambil pengajaran dan pedoman. Said Ramadhan Buti (2008), beliau menyatakan sirah semuanya adalah manfaat untuk kita. Maka, ianya perlu kepada berfikir bagi mengambil setiap peristiwa tersebut sebagai iktibar untuk diaplikasikan dalam hidup orang Islam.

Lihat pengajaran yang sedang berlaku sekarang dalam konteks Pendidikan Islam. Sekalipun telah banyak kajian dijalankan, dalam bentuk kesediaan pengajaran, set induksi, bahan bantu mengajar, menggunakan teknologi, pengajaran berpusatkan pelajar, rumusan dan refleksi, namun kesemua ini perlu diletakkan dibawah pembahagian komponen yang lebih kemas untuk diberi fokus iaitu komposisi pengajaran sama ada di bawah komponen komposisi permulaan, perkembangan atau penutup. Justeru, daripada komposisi pengajaran ini sama ada permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran inilah, guru boleh memberi fokus untuk nak mengintegrasikan KBAT dengan lebih saksama.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur [literature review (LR)] bertujuan untuk mengenal pasti, menilai secara kritis dan mengintegrasikan penemuan semula kajian (Bem, 1995; Baumeister & Leary, 1997). Justifikasi metodologi ini digunakan adalah kerana kesesuaian dalam menilai secara sistematik keseluruhan kajian yang berkaitan dengan komposisi pengajaran KBAT dari tahun ke tahun sekali gus menjelaskan isu baharu dari satu sudut. Kaedah ini menerapkan carian sistematik untuk mengenal pasti komposisi pengajaran yang berpotensi mengintegrasikan elemen KBAT. Metodologi kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal, tesis dan buku yang ditulis oleh para sarjana. Kadar rujukan adalah bermula dari tahun 2010 hingga tahun yang terkini iaitu 2021. Kajian lepas diambil bermula dari tahun 2010 kerana telah ada kajian di Malaysia yang telah mengkaji KBAT pada tahun berkenaan secara tidak langsung. Namun, pola kajian banyak tertumpu pada tahun 2013 ke atas, kerana KBAT secara rasmi baru diperkenalkan dalam pendidikan di Malaysia.

Kajian ini menerapkan kaedah tinjauan literatur (LR) yang merangkumi tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metodologi dan dapatan kajian. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti komposisi pengajaran yang mampan dalam mengintegrasikan elemen KBAT yang sepadan. Hakikatnya, prinsip tinjauan literatur (LR) diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi menyorot sejauh mana fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi, et. al., 2006). Dalam kajian ini, kata kunci 'komposisi', digunakan bagi mendapatkan data kajian. Kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data google, researchgate dan academia dan di masukkan dalam software Mendelay. Hasil carian dokumen yang berkaitan dengan kajian, hanya 15 sahaja diterima dengan kesesuaian

untuk dianalisis dalam LR dan skop carian bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2021 terhadap bidang Pendidikan Islam.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu kajian lepas berkaitan komposisi pengajaran KBAT dalam Pendidikan Islam. 15 tinjauan literatur (LR) telah dikenal pasti memfokuskan komposisi pengajaran KBAT dalam pendidikan Islam iaitu berdasarkan jadual 1.0:

Jadual 1.0: Senarai Kajian berkaitan Komposisi Pengajaran Pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT

Bil	Kajian	Latar Belakang	Permasalahan Kajian	Metod	Dapatan
1	Aderi <i>et al.</i> , (2014)	Keperluan komposisi pengajaran.	Tidak cukup masa dalam pengajaran pendidikan Islam mengaitkan kaedah kritis	Kualitatif	Guru Pendidikan Islam perlu membuat lebih persediaan dan perancangan mengikut komposisi pengajaran
2	(Soekmawati, 2019)	Pengajaran Pendidikan Islam perlu disesuaikan dengan usia ditingkatannya.	Realiti menunjukkan praktis penyelenggaraan pendidikan Islam masih cenderung kepada penguasaan teori dan pengajaran yang baku sehingga kurang dikaitkan permasalahan kehidupan yang realistik menyebabkan kurang penghayatan dalam amalan seharian.	Kualitatif, analisis deskriptif	Pengajaran tidak dikaitkan dengan komposisi pengajaran sama ada permulaan, perkembangan atau penutup.
3	(Aminurrashid <i>et al.</i> , 2019)	Pengajaran berunsur KBAT perlu mengaitkan hubungan dengan kehidupan pelajar.	Guru mengajar ke atas pelajar yang tidak mencapai tahap KBAT secara menyeluruh	Kualitatif, menggunakan teori <i>Critical Thinking</i> berdasarkan Epistemologi Islam	Terdapat 7 kaedah teori yang diketengahkan, namun dalam 7 peringkat tersebut, komposisi pengajaran disentuh hanya secara umum.
4	(Syaubari & Ahmad Yunus, 2016)	Mengenal pasti pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam membentuk penghayatan	Kajian dilakukan oleh Kamarul Azmi <i>et al.</i> (2012) mendapati guru pendidikan Islam menyampaikan pengajaran menggunakan 80%	Kuantitatif, Kajian ini menggunakan analisis diskriptif (melalui	Hasil kajian mendapati amalan pengajaran guru berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi adalah berada pada tahap tinggi menerusi min bagi keseluruhan

		akidah dalam kalangan pelajar.	kaedah kuliah dan syarahan dalam sesuatu masa yang diperuntukkan.	instrumen soal selidik).	(4.43) dan berdasarkan komponen penghayatan akidah (kefahaman) yang mencatatkan min (4.45), penghayatan akidah (perasaan) mencatatkan min (4.44) dan penghayatan akidah (kesan) mencatatkan min (4.40).
			Hal ini menyebabkan wujud elemen kebosanan, tiada kefahaman, tidak dapat mengaitkan dengan situasi semasa, mengantuk dan hilang tumpuan pembelajaran dalam kalangan pelajar		Pengajaran KBAT bidang aqidah disentuh disepanjang komposisi pengajaran berlangsung.
5	(Nidzamuddin <i>et al.</i> , 2019)	Mengukur tahap keberkesanan Sirah melalui penghayatan murid-murid mengaplikasikan apa yang dipelajari mereka dalam kehidupan seharian mereka.	Minat pelajar pada sirah kurang disebabkan kaedah pengajaran, lebih tertumpu kepada fakta dan kurang kesan penghayatan terhadap sirah dikaitkan dengan kehidupan pelajar	Kaedah campuran.  Kualitatif, iaitu Temubual dan Analisis dokumen	Kesan amat positif pelaksanaan kurikulum Mata Pelajaran Sirah terhadap murid-murid SRI di negeri Sembilan.  Sebaiknya dimasukkan pemerhatian untuk melihat kaedah pengajaran yang boleh hubungan fakta dan penghayatan berlaku.
			Fakta buku teks boleh dibaca sendiri oleh pelajar	Kuantitatif, iaitu edaran borang soal selidik	Namun, kajian ini tidak nampak komposisi pengajaran berlaku
6	(Noraziah <i>et al.</i> , 2019)	Amalan pengajaran bidang sirah pada masa kini	Terdapat kelemahan dalam PdPc Sirah yang membawa kepada	Kualitatif, analisis deskriptif	Dapatan menunjukkan, elemen ini perlu diambil kira ketika

*Analisis Tinjauan Literatur (LR) Terhadap Komposisi Pengajaran Pendidikan Islam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*

- |   |  |  |  |   |
|---|--|--|--|---|
|   | memerlukan guru menggunakan pendekatan pembelajaran aktif yang dilihat bersesuaian dengan keperluan pelajar. | kemerosotan minat, motivasi, prestasi malah akhlak pelajar itu sendiri.  |  | melakukan amalan pengajaran Sirah yang KBAT iaitu persediaan kelas, penetapan konteks, penyampaian kelas dan penambahbaikan berterusan  |
|   |  |  |  | Dalam kajian ini, Komposisi pengajaran berlaku  |
| 7 | (Syaubari & Yunus, 2018)   | Hubungan di antara pelaksanaan komposisi pembelajaran yang mengintergrasikan KBAT dengan tahap pencapaian pelajar menerusi mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah.<br><br>Kajian ini meneliti profil dari aspek komposisi pembelajaran pelajar dan hubungan dengan pencapaian semasa pelajar. | Berdasarkan dapatan daripada (JNJK, 2011) mengenai pelaksanaan KBAT menunjukkan pelaksanaan pengajaran guru di tahap sederhana.<br><br>Hal Ini menerusi dapatan keseluruhan iaitu 48% guru melaksanakan kriteria pedagogi yang telah ditetapkan, 51.3% menilai menggunakan instrumen KBAT yang dibekalkan oleh KPM dan 44.2% memahami dengan jelas kurikulum yang dibentuk berorientasikan KBAT. | Kuantitatif, melalui soal selidik<br><br>Dapatan kajian juga menunjukkan komposisi pembelajaran dari segi keseluruhan dengan hubungan pencapaian pelajar adalah sederhana ( $r = 0.031$ , $p = 0.579$ , $r = 0.0852$ ).<br><br>Oleh itu, pelaksanaan komposisi pembelajaran adalah mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar.<br><br>Namun terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran pendidikan Islam. |
| 8 | (Zulkifly Md Alwayi <i>et al.</i> , 2021)  | Mengenalpasti kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik amalan perancangan  | Penghasilan PdPc yang kurang berkesan terhadap komposisi pengajaran  | Kuantitatif, menggunakan persampelan<br><br>Kontsruck perancangan pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi.  |

		pengajaran guru dengan faktor proses dan suasana pembelajaran di dalam kelas.		rawak mudah dan mengadaptasikan soal selidik	Kajian memfokuskan komposisi permulaan
9	(Syaubari & Yunus, 2018)	Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menerusi pengajaran bidang akidah di Malaysia.	Terdapat kajian yang menunjukkan Komposisi pengajaran menghasilkan kesan yang berbeza apabila berhadapan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	Kaedah campuran (mixed method) iaitu Kuantitatif dan kualitatif	Kajian menggunakan reka bentuk kaedah campuran (mixed method) memerlukan pelaksanaan kesahan dan kebolehpercayaan yang begitu menyeluruh, tempoh masa yang lebih lama, melibatkan kepelbagaian analisis dan penghasilan instrumen yang rumit  Hasil ujian mendapati keseluruhan konstruk mencatat 0.902 iaitu menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi instrumen pemerhatian dan temu bual.  Manakal, ujian Cohen Kappa menunjukkan tahapnya berada di dalam keadaan tinggi.
10	(Aznil Hashim <i>et al.</i> , 2017)	Mengenal pasti amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran bidang tilawah	Kebanyakan murid bermasalah pendengaran (Pendidikan Khas) tidak diberi pendedahan yang mencukupi untuk pembelajaran al-	Kualitatif, iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis data.	Dapatan menunjukkan terdapat komposisi permulaan yang disentuh iaitu merancang pengajaran menggunakan



*Analisis Tinjauan Literatur (LR) Terhadap Komposisi Pengajaran Pendidikan Islam Mengintegrasikan  
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*

	al-Quran ke atas murid-murid Pendidikan Khas bermasalah pendengaran (Program Pendidikan Khas Integrasi) sekolah rendah dari aspek amalan pengajaran guru.	Quran berbanding murid-murid normal.  Pendekatan pengajaran guru yang tidak sesuai		sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kebangsaan  Serta, komposisi perkembangan pengajaran turut dilaksanakan, iaitu pengubahsuaian dalam pengolahan isi pengajaran masing-masing.
11	(Zetty Nurzuliana <i>et al.</i> , 2017)	Tumpuan kajian ini adalah berdasarkan kepada empat elemen yang terdapat dalam pendekatan "lesson study" iaitu menentukan matlamat, merancang pengajaran, kelas terbuka dan refleksi.	Kemahiran pedagogi guru perlu dipertingkatkan lagi melalui pendekatan kolaborasi  Kemenjadian murid yang KBAT masih pada tahap sederhana dan rendah (Faridah <i>et al.</i> 2013)	Kualitatif, pensampelan bertujuan  Analisis dokumen juga mendapati bahawa silibus yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyebut secara jelas bagaimana proses integrasi perlu dilaksanakan  Pengkaji mendapati kaedah "lesson study" merupakan kaedah yang paling sesuai untuk memastikan proses integrasi berlaku dengan baik sepanjang sesi pengajaran.  Namun, kajian ini tidak menyebut komposisi pengajaran secara khusus, namun sesuai untuk digunakan kaedah <i>lesson study</i> ini di mana-mana komponen komposisi pengajaran

- 12 (Naquiah & Jimain , 2016) Melihat penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar berdasarkan pengamalan kaedah pengajaran guru. Faktor kelemahan amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam yang kurang berkesan. Melibatkan aspek kurang persediaan dan perancangan, strategi, kaedah, teknik serta kurang mahir kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) Kualitatif, analisis deskriptif
- Dapatan kajian mengeluarkan isu yang lebih lanjut.
- Kebanyakan Guru Pendidikan Islam (GPI) tiada persediaan rapi dan tidak merancang pengajaran dengan baik seperti kerap mengamalkan strategi berpusatkan guru, menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang tidak pelbagai serta membosankan, kurang kreatif dan inovatif serta kurang mahir mengendalikan bahan bantu mengajar berbentuk teknologi maklumat dan komunikasi (TMK)
- Kajian ini ada menyentuh, dua komposisi pengajaran iaitu permulaan pengajaran dan perkembangan pengajaran.
- 13 (Kamarul Azmi, 2013) Mengetahui amalan pendekatan pembelajaran aktif berdasarkan pengalaman guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dalam subjek Pendidikan Islam. Melihat kekurangan dalam pengajaran guru, keperibadian, kemahiran, pengurusan, dan ilmu. Kualitatif, iaitu temubual, pemerhatian dan dokumen analisis
- Dapatan kajian mendapati, pendekatan pembelajaran aktif GCPI terkandung dalamnya peranan guru, peranan pelajar, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM),

				<p>Berikutnya, dijelaskan faedah dan halangan yang terdapat dalam pendekatan pengajaran dan tajuk yang sesuai menggunakan pendekatan pembelajaran aktif ini</p> <p>Pembelajaran aktif sesuai disemua komposisi pengajaran</p>
14	(Yusoff, 2012)	Mengetahui sejauh mana tahap kefahaman kreativiti, tahap kreativiti pengajaran guru pendidikan Islam dan pengajaran dominan guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah.	<p>Guru Pendidikan Islam (GPI) kurang pengamalan kreativiti dan tidak mempelbagaikan teknik dan kaedah dalam proses pengajaran sehingga guru kurang faham untuk mengimplementasikan pengajaran secara kreatif</p> <p>Pengajaran hanya berfokuskan guru, buku teks, penggunaan papan hitam</p>	<p>Kuantitatif, iaitu instrumen soal selidik</p> <p>Hasil kajian mendapati guru Pendidikan Islam mempunyai tahap kefahaman kreativiti dan tahap kreativiti pengajaran yang sederhana baik dari segi praktikal dalam bilik darjah.</p> <p>Satu model kreativiti pengajaran dihasilkan bagi guru Pendidikan Islam untuk sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia</p> <p>Namun, ianya secara umum, tidak diletakkan pada mana-mana komposisi</p>
15	(Ab. Halim & Khairul Azman, 2010)	Mengetahui amalan pengajaran guru pendidikan Islam yang berkesan dan beberapa komponen teras	<p>Ketidak selarasan antara teori dan amali dalam proses Ta'alim</p>	<p>Kualitatif</p> <p>Dapatan kajian menjelaskan konsep komponen utama dalam kesediaan guru, iaitu kemahiran dalam pengajaran dan</p>

kesediaan yang perlu ada pada setiap guru pendidikan Islam.

pembelajaran, penguasaan ilmu, motivasi, dan personaliti guru pendidikan Islam.

Komponen komposisi yang disentuh adalah permulaan pengajaran

---

## **FOKUS KAJIAN LEPAS BERKAITAN KBAT**

Objektif kajian ini adalah untuk menilai secara kritis fokus kajian lepas berkaitan komposisi pengajaran KBAT yang mengintegrasikan KBAT. Berdasarkan jadual 1, dapat dibuat beberapa kesimpulan terhadap tinjauan literatur (LR) dari sudut fokus kajian lepas berkaitan komposisi pengajaran seperti berikut:

### **I. Isu Kajian**

Merujuk kepada jadual 1, terdapat 15 kajian yang berkaitan dengan komposisi pengajaran Pendidikan Islam. Namun sebanyak 5 artikel yang terus menjurus mengkaji berkaitan Pendidikan Islam dan hubungannya dengan KBAT. Namun, selain daripada itu, 10 artikel yang lain masih membincangkan berkenaan kemahiran berfikir namun digabung jalinkan antara KBAT dan KBAR. Barangkali disebabkan sesetengah artikel, sebelum dari dikuatkuasakan sepenuhnya KBAT dalam kurikulum pendidikan di Malaysia seperti kajian oleh Ab. Halim Tamuri & Azman Ajuhary (2010); Kamarul Azmi (2013) dan Yusoff (2012). Selain itu, kajian yang memfokuskan kepada komposisi pengajaran juga dilihat berbeza sudut kajian. Ada yang mengambil PdPc secara keseluruhan tanpa membataskan komposisi pengajaran (Azmil Hashim et al., 2017; Syaubari & Yunus, 2018; Naquiah & Jima'ain, 2016). Begitu juga ada kajian yang berfokus kepada salah satu komposisi pengajaran seperti Syaubari & Yunus Kassim (2016); Noraziah et al., (2019) dan Zulkifly Md Alwayi et al., (2021). Bahkan kesimpulan yang lebih umum terhadap kajian sebelum ini adalah, pengajaran pendidikan Islam yang menyentuh KBAT tidak dapat dilihat secara menyeluruh pelaksanaannya yang sebenar dibahagian komposisi yang mana satu, sama ada di permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran atau bahagian penutup pengajaran.

### **II. Rangsangan KBAT dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI)**

Analisis tinjauan literatur (LR) sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 juga memberi maklumat untuk membincangkan dengan lebih terperinci tentang rangsangan atau latar belakang kajian berkenaan KBAT dalam pengajaran GPI. KBAT tidak dapat dilaksanakan kerana ketidakcukupan masa (Aderi et al., 2014; Nursafra et al., 2020), sehingga menyebabkan tidak dapat mengimplemmentasikan KBAT dengan baik sepanjang PdPc, namun dengan adanya pembahagian komposisi pengajaran iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran, ia akan lebih teratur dan boleh menyusun masa.

Faktor ketidak susunan pengajaran yang kemas. Terdapat kajian yang menunjukkan guru mengajar tidak KBAT aras tinggi ke atas pelajar kerana faktor kurang persediaan dan pengaplikasian KBAT ketika pengajaran (Aminurrashid et al., 2019). Misalnya, didapati ketika pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berlangsung, sebanyak 80% GPI masih mengajar menggunakan kaedah kuliah dan syarahan (Kamarul Azmi et al., 2012; Syaubari & Yunus, 2016). Namun, tidak dinafikan bahawa, kita maklum masih memerlukan kaedah syarahan dalam PdPc, seperti dalam bidang tertentu seperti bidang sirah. Adapun bidang fiqah, akhlak, al-Quran, Jawi perlu banyak menggunakan kaedah dua hala, pembelajaran aktif dan berpusatkan pelajar bagi menghasilkan pengajaran yang KBAT (Naquiah & Jima'ain, 2016; Nidzamuddin et al., 2019; Noraziah et al., 2019)

Berikutnya, masih terdapat penghasilan PdPc KBAT yang kurang berkesan kerana disebabkan kurang aspek perancangan persediaan pengajaran yang menjurus kepada KBAT dan mengakibatkan kesan kepada perkembangan pengajaran yang tidak berterusan menggunakan KBAT dalam PdPc (Zulkifly Md Alwayi et al., 2021). Namun, ada kalanya guru menjalankan

perancangana, namun kaedah yang diguna pakai ke atas tahap pelajar, dilihat kurang bersesuaian (Naquiah & Jima'ain, 2016; Azmil Hashim et al., 2017).

Selain itu, guru pendidikan Islam (GPI), masih kurang pengamalan kreativiti dan tidak mempelbagaikan teknik dan kaedah dalam proses pengajaran sehingga guru kurang faham untuk mengimplementasikan pengajaran secara kreatif (Yusoff, 2012; Naquiah & Jimain, 2016). Misalnya, kalaborasi guru dalam pengajaran untuk nak mengaitkan dengan KBAT dilihat seakan masih baku dan kurang kemas (Ab. Halim & Azman Ajuhary, 2010; Kamarul Azmi, 2013; Faridah et al. 2013; Zetty Nurzuliana et al., 2017)

### **III. Metode Kajian**

Menurut Othman (2001) menyatakan metodologi sebagai suatu prosedur yang sistematik dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna. Sekiranya diperhalusi, didapati kajian yang berkaitan dengan komposisi pengajaran pendidikan Islam mengintegrasikan KBAT, kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji di lihat seimbang. Terdapat 4 kajian menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan medium soal selidik sama ada persampelan rawak atau bertujuan. Manakala, kajian yang menggunakan metodologi kualitatif pula sebanyak 9 kajian yang menggunakannya sama ada temubual, persampelan bertujuan, pemerhatian, analisis dokumen dan merujuk sumber dari keperustakaan. Adapun begitu terdapat dua kajian tesis yang menjalankan kajian menggunakan kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Hal ini menunjukkan bahawa, kajian terhadap komposisi pengajaran yang mengintegrasikan KBAT sesuai untuk digunakan dalam mana-mana kaedah lapangan kajian.

#### ***a. Dapatan dan Cadangan dalam Komposisi Pengajaran Pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT***

Analisis tinjauan literatur (LR) sebagaimana dalam jadual 1 yang menjelaskan tentang kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan komposisi pengajaran pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT telah membantu kajian seterusnya untuk meneliti perkara yang telah dilakukan di samping mencari isu baharu dalam bidang ini.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, kajian yang berkaitan dengan komposisi pengajaran pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT didominasi oleh kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif iaitu sebanyak 9 kajian. Oleh yang demikian, kajian berbentuk kualitatif ini boleh diterapkan sekiranya objektif kajian adalah untuk meneroka, membuat perbandingan atau memahami fenomena terhadap sesuatu isu (Stake, 2010). Adapun bagi mendapatkan dapatan yang lebih meluas dan umum, kajian kuantitatif sangat membantu, memandangkan KBAT adalah hal yang melibatkan pendidikan di Malaysia sejak 2013 dan perlu ada pembaharuan pemaklumat yang terkini dari semasa ke semasa bagi melihat tindak balas secara berkala dari pelaksanaan sebuah kurikulum yang besar iaitu KBAT. Begitu juga, kaedah metodologi campuran akan membantu menjadi penyemak yang baik serta menambah baik dari kewujudan model yang semasa yang relevan.

Berdasarkan jadual 1 juga, kajian terhadap mata pelajaran pendidikan Islam lebih tertumpu kepada KBAT, namun khusus kepada komposisi PdPc tertentu masih lagi kurang dijalankan (Aminurrashid et al., 2019; Syaubari & Yunus, 2016; Yusoff Dagang, 2012; Nidzamuddin et al., 2019; Soekmawati, 2019). Ianya tertumpu banyak kepada kaedah bentuk pengajaran, persediaan dan perancangan, bahan bantu mengajar (BBM), strategi pengajaran, kefahaman guru terhadap

konsep KBAT dan penyampaian di dalam kelas secara umum. Hal ini bermaksud, cabaran pengkaji adalah meletakkan setiap elemen tersebut pada komposisi tertentu. Maka, dicadangkan bagi kajian akan datang, dilabelkan elemen-elemen tersebut berada dibahagian komposisi pengajaran yang sepatutnya, sama ada pada komposisi permulaan pengajaran, perkembangan pengajaran, penutup pengajaran, atau sebenarnya ia sesuai pada beberapa bahagian komposisi pengajaran yang lainnya.

Selain itu, terdapat ramai pengkaji yang memfokuskan kepada perbincangan terhadap komposisi permulaan dan perkembangan pengajaran (Ab. Halim Tamuri & Azman Ajuhary, 2010; Azmil Hashim et al., 2017; Naquiah & Jimaa'in, 2016; Noraziah et al., 2019; Zulkifly et al., 2021). Namun, terdapat banyak kajian yang menyatakan faktor masa menjadi kekangan dalam PdPc Pendidikan Islam (Aderi et al., 2014; Syazana & Zamri, 2018; Nursafra et al., 2020) terutama dalam menerapkan KBAT. Hal ini menunjukkan, ianya sangat berkait dengan komposisi penutup pengajaran. Walhal kajian terhadap komposisi penutup masih lagi kurang dijalankan. Justeru, di cadangkan agar kajian akan datang boleh juga menumpukan terhadap komposisi penutup pengajaran.

Di samping itu, dari sudut dapatan, terdapat kajian yang kaedahnya sesuai digunakan di semua komponen komposisi pengajaran sama ada permulaan, perkembangan atau penutup (Aminurrashid et al., 2019; Kamarul Azmi, 2013; Yusoff Dagang, 2012; Zetty Nurzuliana et al., 2017). Barangkali juga kajian pada tahun-tahun yang awal lebih bersifat umum dan tidak menjurus kepada KBAT dan bidang pendidikan Islam secara mendalam. Selain itu, kelebihan pada kaedah yang dilihat umum ini, ia memberi ruang kepada guru Pendidikan Islam (GPI) untuk mencuba kaedah-kaedah tersebut dalam mana-mana bahagian komposisi pengajaran yang dilihat sesuai dengan tahap pelajar, bidang dan tajuk yang diajar ketika itu.

Oleh yang demikian, kesimpulan daripada perbincangan ini, didapati bahawa ruang dan peluang kajian pengajaran komposisi GPI dalam mengintegrasikan KBAT masih sangat luas. Sekiranya diperhalusi, didapati kajian lampau yang berkaitan dengan KBAT dan Pendidikan Islam masih umum dan menjurus pada bidang tertentu. Sewajarnya, jika ingin melihat secara mendalam pengaplikasian KBAT dalam bidang Pendidikan Islam, perlu dikaji pada setiap bidang yang ada seperti aqidah, fiqh, akhlak, sirah, hadis, jawi dan al-Quran.

## **KESIMPULAN**

Penggunaan kaedah tinjauan literatur (LR) menjelaskan beberapa isu berkaitan dengan kajian komposisi pengajaran pendidikan Islam yang mengintegrasikan KBAT. Analisis ini memfokuskan kepada latar belakang kajian, permasalahan, metodologi dan dapatan kajian terdahulu. Hasil tinjauan ini mendapati kajian pengajaran KBAT oleh guru Pendidikan Islam secara ringkasnya tertumpu kepada komposisi permulaan dan perkembangan pengajaran. Namun begitu, faktor yang menjadi kekangan KBAT kurang ditekankan ketika komposisi penutup kerana faktor kekangan masa. Situasi ini mendorong pengkaji mencadangkan agar setiap komposisi tersebut disenaraikan elemen yang boleh memberi KBAT pada setiap komposisi tersebut. Walau bagaimanapun, guru yang mempunyai persediaan perancangan yang rapi dan kreatif boleh menjayakan pengajaran yang mengandungi unsur KBAT. Justeru, pengkaji mencadangkan juga kepada pengkaji akan datang, membincangkan setiap bidang dalam pendidikan Islam seperti bidang aqidah, ibadah, sirah, akhlak, hadis, al-Quran dan jawi agar boleh dinilai cabaran dalam pengajaran setiap komposisi terhadap setiap bidang tersebut dalam menerapkan KBAT.

## RUJUKAN

- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Fuad Othman, Maimun Aqsha Lubis. (2014). *Pengajaran Berkesan Berasaskan Kaedah Kontekstual dalam Pendidikan Islam*. Prosiding. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10).
- Ab. Halim Tamuri, & Mohd Khairul Azman Ajuhary. (2010). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(1), 43–56.
- Syazana Sahari & Zamri Mahamod. (2018). *Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Sri Aman terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. International Journal of the Malay World and Civilisation, 6(1), 63 – 78.
- Aminurrashid Ahmad Dahari, Asmawati Suhid, & Fathiyah Fakhruddin. (2019). *Implementation Critical Thinking in Teaching Islamic Education*. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 8(4), 805–823. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v8-i4/6756>
- Azmil Hashim, Bahariah Ab Rahman, & Hamdi Ishak. (2017). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pendengaran)*. Journal of Islamic and Arabic Education, 9(2), 1–11.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2013). *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan guru cemerlang Pendidikan Islam*. Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia (Seminar Empowerment Islamic Teaching in Malaysia, 1–16.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2018a). *Hubungan Pelaksanaan Komposisi Pembelajaran yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan Pencapaian Pelajar di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 5(1), 63–80.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2018). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menerusi Pengajaran Akidah*. Sains Humanika, 10(3), 15–26. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3.1297>
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2016). *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam Membentuk Penghayatan Akidah di Kalangan Pelajar di Negeri Perak*. Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 143–156.
- Mohd Yusoff Dagang. (2012). *Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Negeri Johor*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, & Ahmad Marzuki Mohamad. (2020). *Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menurut Ibnu Khaldun dalam Konteks Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)*. Jurnal Dunia Pendidikan, 2(2), 146–157.
- Naquiah Nahar, & Jimain Safar. (2016). *Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 2(2), 70–85.
- Nidzamuddin Zakaria, Wan Nur Amirah Wan Mohd Suhaimi, Asna Bisarah Abu Samah, & Nur E'zzati Mohd Asri. (2019). *Keberkesanan Mata Pelajaran Sirah Rasul di Sekolah Rendah Islam (Sri) Ikram Musleh: Satu Tinjauan Di Negeri Sembilan*. Journal of Hadith Studies, 4(2), 77–84.
- Norazia Mhd Yusop, Mohd Aderi Che Noh, & Khadijah Abdul Razak. (2019). *Pendekatan Sistemik Pembelajaran Aktif dalam Amalan Pengajaran Sirah*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue.



- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa, & Mohd Syaubari Othman. (2020). *Kekangan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. E-Prosidings Persidangan Antarabangsa Sains Social Dan Kemanusiaan, November, 430–438.
- Soekmawati, I. (2019). *Nilai-Nilai Penting Ilmu Pendidikan Islam Berbasis Al-Quran dan Sirah Nabi untuk Pengajar dalam Peningkatan Kualitas Pengajaran*. Jurnal Kependidikan, 7(2), 2014–2214. <https://doi.org/10.24090/jk.v7i2.3032>
- Syaubari Othman. (2020). *Isu dan Permasalahan (PdP) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Amalan Pengajaran Guru menurut Pandangan Ibn Khaldun*. Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS), 4(1), 94–106. <https://doi.org/10.37231/mjis.2020.4.1.135>
- Wan Abdullah, W. A. A., & Mohd Zhaffar, N. (2018). *Penggunaan Istilah Berfikir Berdasarkan Kandungan al-Quran*. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs, 2(2). <https://doi.org/10.33102/jqss.vol2no2.19>
- Zetty Nurzuliana, R., Siti Rashidah, A. R., Norshilawani, S., Ahmad Shafiq, M. R., Zanaton, H. I., & Sri Andayani, M. Y. (2017). *Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Mengintegrasikan Ilmu Naqli dan Aqli Menggunakan Pendekatan 'Lesson Study'*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 4(1), 162–174.
- Khairul Bariah Abd Latif Azmi. (2016). *Komposisi Sebagai Elemen Pemberi Maklumat dalam Teks Multimodal Kad Permainan Jepun*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Syaubari Othman. (2018). *Komposisi Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Aqidah di Malaysia*. Tesis Doktor, Universiti Pendidikan Sultan Ismail (UPSI).
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2006). *Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 M. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Buku dasar Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Fakhrul Anwar Sabri. (2019). *Penggunaan Kemahiran Membuat Penutup dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Asian Education Action Research Journal (AEARJ), 8, 9-16. ISSN 2289-3180, eISSN 0128-0473.
- Slavin, Robert. E. (2015). *Educational Psychology: Theory into Practice (11th Ed.)*. Boston: Pearson.
- Zainorah Kadri. (2015). *Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Al-Rum*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Said Ramadhan al-Buti. (2008). *Fiqh al-Sirah*. Terj, Mohd Darus Sanawi 'Ali. Dewan Pustaka Fajar.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan (2013). *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh (2014). *Pendekatan Inkuiri dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Pendidikan Islam: Satu Analisis*. Persidangan Perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Peringkat Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar, Nur Hanani Hussin (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). *Writing Narrative Literature Reviews*. Review of General psychology, 1(3), 311-320.
- Bem, D. J. (1995). *Writing a Review Article for Psychological Bulletin*. Psychological Bulletin, 118, 172-177.

- Siddiqi, N., House, A. O. & Holmes, J. D. 2006. *Occurrence and Outcome of Delirium in Medical in-Patients: A Systematic Literature Review*. *Age and Ageing*, 35 (4), 350-364. doi: 10.1093/ageing/af1005.
- Michie, S. & Williams, S. 2003. *Reducing Work Related Psychological Ill Health and Sickness Absence: A Systematic Literature Review*. *Occup Environ Med*, 3-9.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Stake, R. E. (2010). *Qualitative Research: Studying How Things Work*. New York: The Guilford Press.
- Zulkifly Md Alwayi, Rahimah Embong & Huda Afiqah Hashim. (2021). *Perancangan Pengajaran Guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan: Satu Kajian Rintis*. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(1), 11–18.